

santai* travel

inspirasi percutiianku

4 Hotel
Gaya Klasik
Mesti Pergi!

Lukisan Alam
ROYAL BELUM

EDISI ISTIMEWA
EURO
GROUP **VAC**



Zizan
Rentas Benua Australia
Bersama EuroVac

MAC 2013 • RM7.00
ISSN 2229-9777

MALAYSIA RM7.00
SINGAPORE SG\$6.90
BRUNEI BND6.90



+ PERADUAN: MENANGI PAKEJ PERCUTIAN DI PUTRA PALACE PERLIS

*cover story

**EURO
VAC**

ZIZAN

MERENTAS KEINDAHAN Australia

Bersama EuroVac

Masih mencari-cari percutian yang unik serta dekat dengan alam? Apa kata kunjungi Queensland Australia bersama Eurovac dengan menaiki motorhome. Jom teroka negara benua terkecil dan pulau terbesar ini menjanjikan percutian alam yang menakjubkan dengan percutian yang bakal memberi kelaianan. Di Malaysia, menaiki motorhome untuk melancong mungkin sesuatu yang asing buat masyarakat di negara ini. Bagaimanapun, di benua Australia, Eropah dan Amerika, kenderaan yang menyediakan kemudahan dapur dan tempat tidur itu sudah bermula sejak beratus tahun lamanya. Ruang dalamnya tidak ubah seperti sebuah bilik hotel. Ia turut dilengkapi televisyen, wifi, peti sejuk dan bilik mandi.






oleh : **NURUL HUSNA MAT RUS** foto : **MUNZIR ALAWI** penyelaras : **AZLIE HALIM** pembantu : **CATHERINE HO**
pakaian : **JEEP & KOLEKSI PERIBADI ZIZAN** lokasi : **BRISBANE & GOLD COAST, AUSTRALIA**
terima Kasih : **EUROVAC GROUP, EURO EXPLORE & TOUR SDN BHD.**



Impian untuk mengembara ke kawasan indah Queensland (QLD) sambil menyaksikan panorama benua yang terkenal dengan sang kangaru dan si koala menggunakan kenderaan seperti karavan atau kenderaan rekreasi (RV) sudah tersemat di hati Zizan sejak sekian lama.






MENARIKNYA BRISBANE

- Destinasi membeli-belah yang terkenal di sini adalah Direct Factory Outlet (DFO). Terdapat pelbagai barangan berjenama yang dijual dengan harga berpatutan seperti Cotton On, Quick Silver, Esprite, Hurley dan banyak lagi. Selain pakaian, pengunjung juga boleh mendapatkan pelbagai jenis barangan lain seperti pinggan mangkuk, cadar, jam tangan, kaca mata dan beg.
- Story Bridge yang menjadi ikon di tengah-tengah Bandar Brisbane City pasti memukau anda tatkala berpeluang melalui jambatan ini. Dari atas jambatan ini peluang melihat pemandangan kesuluruhan bandar sememangnya cukup memukau.
- Hanya mengambil masa sejam memandu dari Brisbane, Sunshien Coast sememangnya cukup menyegarkan. Anda pasti merasai kelainan dan ketenangan tatkala menghirup udara segar di perkampungan yang cantik, seperti Rosewood.

BERJEMUR DI SURFERS PARADISE

Selepas puas menjelajah Brisbane, Zizan di bawa pula ke Gold Coast untuk lebih menghayati percutian di Brisbane. Siapa yang tidak teruja menjejakkan kaki ke Gold Coast yang terkenal dengan pantainya antara yang tercantik di dunia. Ibarat syurga dunia, segala yang diimpikan saat percutian terdapat di Surfers Paradise. Dikelilingi bangunan-bangunan tinggi, majoritinya hotel yang dibina di persisiran pantai Gold Coast sepanjang 70 kilometer ini bertaraf lima bintang. Terbang satu visual yang memukau iaitu hamparan pasir putih dan halus serta air laut berbuih dihiasi pula langit biru cerah. Sememangnya Gold Coast yang disinari pancaran matahari adalah syurga bagi mereka yang obses dengan pantai dan laut.

“Namun, suatu yang pasti ialah suhu panasnya, seperti cuaca di Malaysia pula. Cuaca di sini memang panas kerana langitnya tidak berawan, jadi pancaran matahari terus memancar tanpa tapisan. Apa yang menakjubkan saya lagi ialah kebersihan di kawasan ini begitu ketara. Tiada kelihatan sampah sarap yang terbiar mahupun najis-najis haiwan. Di Gold Coast, tidak tercalit sebarang kegusaran biarpun bersiar-siar menjelang pukul 2 pagi. Tiada kelibat kutu rayau mahupun pengemis, tidak seperti senario berbahaya pada malam hari di kebanyakan tempat lain.” ujar Zizan yang teruja dengan





Melancong ke Eropah sudah menjadi impian hampir semua masyarakat di Malaysia. Tidak dinafikan, benua ini menawarkan pelbagai keunikan dan tarikannya yang tersendiri. Pemandangan alam yang menakjubkan, budaya masyarakat, bahasa, makanan tradisional yang lazat, membeli-belah di butik-butik terkemuka dan banyak lagi. Sudah pasti ianya memberi pengalaman yang amat berharga kepada anda disamping orang tersayang, keluarga mahupun rakan-rakan. Kini konsep percutian di Malaysia sudah banyak berubah. Dengan adanya perkhidmatan internet, semua maklumat boleh diperolehi dengan mudah dan pantas. Keadaan ini menjadikan *trend* percutian semakin mudah. Walaupun begitu, masih banyak perkara yang perlu dipertimbangkan jika anda ingin merasai kepuasan sebenar apabila anda bercuti. Faktor keselamatan, keselesaan, makanan halal dan perancangan perjalanan ke satu-satu destinasi harus diambil kira demi memastikan percutian yang sempurna.

Impian Percutian Citarasa Terkini

Berdasarkan perubahan *trend* ini, program percutian unik dan santai EuroVac menggunakan *motorhome* telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. *Motorhome* dilengkapi dengan segala keperluan anda seperti tempat tidur, dapur memasak, almari pakaian, peti sejuk, bilik mandi, tandas dan pelbagai keperluan lain. Ianya seumpama anda membawa rumah anda semasa bercuti! Lebih unik lagi apabila setiap kenderaan *motorhome* ini anda bakal disajikan dengan makanan yang menyelerakan oleh seorang chef dan dipandu oleh crew EuroVac yang berpengalaman. Lebih menarik lagi dengan pemandu yang terdiri daripada warga Malaysia, perjalanan percutian anda tentu lebih sempurna dan menyeronokkan tanpa masalah komunikasi atau budaya yang berbeza.

Lupakan keletihan anda untuk *Check-In* dan *Check-Out*, mengemas pakaian, berkumpul setiap pagi di lobi hotel dan was-was untuk mendapatkan makanan halal. Segala permasalahan percutian anda dapat di atasi dengan Program EuroVac ini.

EuroVac Terokai Pasaran Indonesia

Bagi memenuhi permintaan yang semakin menggalakkan, EuroVac telah melebarkan sayapnya ke Indonesia. EuroVac Indonesia yang diuruskan sepenuhnya oleh PT. Edugreen Khatulistiwa akan beroperasi di Kota Bekasi, Jakarta dan pelancaran rasminya dijangka akan disempurnakan pada Februari 2013.

Hanya RM500, Impian Terlaksana!

Berita baik untuk anda yang ingin menyertai percutian hebat ini tanpa berbelanja besar. EuroVac Global Network (EGN) yang merupakan anak syarikat EuroVac Group kini membuka peluang kepada anda untuk merasai keunikan program EuroVac dengan hanya bermodalkan RM500.00. Bercuti ke Eropah bukan lagi terlalu eksklusif kepada mereka yang berpendapatan tinggi sahaja. Kini pelajar, suri rumah dan pekerja biasa mampu untuk merasai keunikan ini. Ingin tahu bagaimana menyertai Program EuroVac dengan bermodalkan hanya RM500? EGN akan membongkar peluang ini.

"EuroVac, Realitikan Impian Anda"

Maklumat lanjut, sila hubungi :

EUROVAC MANAGEMENT SDN BHD (950379-K)

IBU PEJABAT

No 19-1, Jalan 7/7C, Seksyen 7, 43650

Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia

Telefon : +603 8912 2903, +603 8922 2688,

+603 8922 3688

Faks : +603 8925 7978

E-mel : admin@eurovac.my

Laman Web : www.eurovac.my

FB : www.facebook.com/EuroVac

: www.facebook.com/EuroVacGlobal

EuroVac Indonesia

(Diuruskan oleh PT. Edugreen Khatulistiwa)

Graha RAUM Edugreen, Jl Tembusan

Kalimalang, No 1A-E Jorr (Jakarta Outer

Ring Road), 17136 Kota Bekasi, Indonesia

E-mel : admin@eurovac.co.id

Laman Web : www.eurovac.co.id

FB : www.facebook.com/EuroVacIndonesia